

Kereta sangkut jambatan tenggelam

Gua Musang: Puluhan kenderaan terkandas di Kampung Pulau Setelu, di sini, apabila jambatan merentasi Sungai Nenggiri yang menghubungkan Gua Musang dan Jeli tenggelam, semalam.

Jambatan sementara yang dibina pada awal tahun lalu itu mulai tenggelam jam 5 petang berikutan hujan lebat sejak malam kelmarin hingga jam 12 tengah hari semalam.

Bagaimanapun, limpahan air sungai mulai surut menjelang jam 7 malam dan penduduk kampung bergotong-royong membersihkan sisa kayu yang tersekat di jambatan.

Jambatan sementara itu dibina kerana jambatan asal yang diperbuat daripada

konkrit runtuh akibat kejadian banjir besar pada Disember 2014.

Seorang pengguna laluan itu, Ghani Abdullah, 58, berkata, dia tidak mengetahui jambatan itu tenggelam memandangkan air sungai naik secara tiba-tiba selepas hujan lebat pada sebelah pagi.

“Besarnya kemungkinan air dari hulu mulai turun menyebabkan paras sungai naik mendadak dan menenggelamkan jambatan.

“Arus sungai sangat deras dan membahayakan juga memandangkan jambatan besi ini bersifat sementara,” katanya.

Pentadbir Mukim Dewan Undangan Negeri Nenggiri, Kamizi Jalil berkata, jam-



KEADAAN kenderaan yang terkandas di Kampung Pulau Setelu selepas jambatan merentasi Sungai Nenggiri yang menghubungkan Gua Musang-Jeli tenggelam.

batan sementara itu berisiko tinggi dilalui kenderaan ketika musim tengkujuh.

Katanya, hujan lebat selama beberapa jam boleh menyebabkan air sungai melimpah dan menengge-

lamkan jambatan itu.

“Biasanya memang dalam tempoh dua hingga tiga jam ia akan surut dan penduduk terpaksa membantu membersihkan sampah dan sisa kayu,” katanya.

